

UMS akan bantu KPI untuk jadi universiti terbaik

Oleh YAP SIONG HAN


sionghan_yap@yahoo.com

UB 28/09/2011 A2

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan membantu Kementerian Pengajian Tinggi (KPI) dalam mensasarkan enam buah universiti mencapai tempat dalam senarai Universiti Penyelidikan terbaik di dunia.

Naib Canselor UMS, Brig Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon berkata UMS selaku Universiti Berinovatif yang sentiasa menuju ke arah kecemerlangan ilmiah dalam pelbagai bidang ilmu, beraspirasi untuk menjadi salah sebuah Universiti Penyelidikan menjelang tahun 2015.

Katanya, pencapaian UMS menunjukkan peningkatan yang ketara melalui siri kejayaan beberapa penyelidikan UMS yang telah berjaya meraih pingat dalam pelbagai



BAHAWASANYA SAYA... Para pelajar Pascasiswazah sedang membaca ikrar dalam majlis berkenaan.

pertandingan anugerah inovasi dan penyelidikan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

“Ekonomi negara kita sedang berubah ke arah ekonomi yang dipacu oleh sektor perkhidmatan

dan saya menyeru kepada Pusat Pengajian Pascasiswazah supaya mempelbagaikan program yang bersesuaian dengan kehendak dan keperluan negara.

“Dengan adanya program-

program ini, secara tidak langsung dapat meningkatkan bilangan kemasukan pelajar di universiti ini. Pusat ini juga harus lebih proaktif dalam mempromosikan program-program yang ditawarkan di dalam dan luar negara,” katanya ketika menyempurnakan Majlis Ikrar Pelajar Pascasiswazah dan Amanat Naib Canselor di sini kelmarin.

Kamaruzaman berkata, adalah penting bagi meningkatkan kualiti ke arah kecemerlangan dan menyeru kepada semua warga UMS agar dapat memainkan peranan dalam merealisasikan misi dan visi universiti.

Menurutnya, seluruh warga UMS perlu memiliki ciri-ciri yang berkualiti demi mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa menerusi pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, penerbitan serta khidmat masyarakat.